

20/06/1999

Lirik lagu Bobby ceriakan sidang

KUALA LUMPUR: Wakil Perak, Datuk Ramly Zahari, menceriakan suasana perhimpunan agung semalam apabila beliau memetik lirik lagu daripada filem Hindustan, Bobby, untuk menggambarkan sokongan rakyat terhadap kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ramly, dari Umno Kuala Kangsar, berkata majoriti rakyat negara ini tetap mengasihi Dr Mahathir seperti digambarkan oleh lirik lagu itu Pyar Me Sada Nehe, bermakna Kasih Sayang Tidak Boleh Dijual Beli.

Serentak itu, beliau meminta Perdana Menteri jangan mengulangi hasratnya untuk berundur kerana ahli Umno sedia menjadi gurkha bagi memastikan Barisan Nasional terus memerintah negara ini.

"Rakyat masih memerlukan kepemimpinan Perdana Menteri bagi memacu pembangunan negara untuk mencapai taraf negara maju pada alaf baru.

"Rakyat juga sedia bersusah-payah sedikit dengan langkah yang dilaksanakan kerajaan melalui Majlis Perundingan Ekonomi Negara bagi memulihkan ekonomi negara," katanya ketika membahaskan ucapan dasar Presiden.

Beliau kemudian sekali lagi menggamatkan dewan persidangan apabila memetik falsafah Siam dalam bahasa asalnya, yang bermaksud `biar bersedih kerana derita, jangan bersedih masa gembira dan biarlah kecewa kerana ketinggalan daripada kecewa kerana kejayaan'.

Ramly meminta kerajaan terus membina projek besar terpilih bagi menjana ekonomi dan menambah rizab kewangan negara.

"Pembangunan sesuatu sektor itu perlu seimbang dengan sektor lain tanpa mengorbankan mana-mana sektor," katanya sambil meminta kerajaan memastikan semua arahan Bank Negara Malaysia dipatuhi oleh institusi kewangan.

Menurutnya, langkah itu penting bagi memastikan rakyat khususnya usahawan mendapat pinjaman untuk mencergaskan semula pembangunan ekonomi.

Ramly turut mengajak perwakilan turun ke padang untuk menjelaskan apa yang didedahkan oleh Presiden dan menyerang pembangkang habis-habisan.

"Pembangkang seperti Pas, DAP, dan KeADILan adalah ejen yang merosakkan perpaduan dan sanggup bekerjasama dengan orang asing untuk melemahkan negara ini," katanya.

Beliau menyifatkan pembangkang sebagai ejen kepada sembilan perkara iaitu perosak al-Quran dan hadis, perpecahan dan meranapkan bangsa Melayu, menghapuskan Islam, menimbulkan keresahan kaum, kuasa asing, mencarut dan memaki hamun, syaitan dan iblis, perosak di muka bumi serta kezaliman.

(END)